

# THE TITAN

[richworks.com/thetitan](http://richworks.com/thetitan)

*Industry View*

TERTEKAN DENGAN  
CABARAN BISNES?

6 CARA UNTUK  
REDAKAN STRES  
YANG DIRASAI

RICHWORKS®

Di Sini Lahirnya  
Usahawan Jutawan

12 OGOS 2023 | BIL: 53  
[www.richworks.com](http://www.richworks.com)

# NORLINDA DAUD

BUAT PILIHAN BETUL UNTUK KEKAL FOKUS



# MULA BISNES SECARA TAK SENGAJA

JIKA DAH MINAT, PERKARA YANG MUSTAHIL PUN BOLEH DIUSAHKAN SAMPAI JADI. SEGALANYA BERMULA PADA TAHUN 1999. SELEPAS TAMAT BELAJAR, SAMA SEPERTI ORANG LAIN NORLINDA DAUD MENCARI PELUANG PEKERJAAN DI LUAR.

"Masa tu kita tak ada banyak pilihan pekerjaan, namun alhamdulillah masa tunggu keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dapat mengajar tuisyen," jelas pengasas Bright Hill Care Center, Norlinda Daud memulakan perkongsian.

## RUMAH PEMBERIAN AYAH

Selepas tamat belajar, ayah Norlinda ada membelikan beliau sebuah rumah lot tepi. Dengan rumah itulah beliau cuba untuk buat bisnes secara kecil-kecilan dengan mengajar anak-anak di kawasan kejiranan.

Kebetulan suaminya ketika itu bekerja di syarikat penerbangan, jadi beliau mempunyai banyak masa yang terluang.

"Mula-mula saya ada 15 orang pelajar, tahun kedua saya dah ada 30 ke 40 orang pelajar. Tahun ketiga pula naik kepada 60 orang.

"Perniagaan ini berkembang dari mulut ke mulut, daripada ibu bapa pelajar kepada kawan-kawan mereka," katanya.

Jumlah pelajar yang semakin meningkat membuatkan beliau gembira. Pendapatan semakin meningkat tapi masih mempunyai masa untuk diri dan keluarga. Ia semakin berkembang apabila kelas tuisyennya tersebar ke taman-taman yang lain.

*"Dari situ saya buka second branch, third branch and then go to the fourth branch,"* Norlinda meneruskan perkongsian.

## HANTAR FLYERS NAIK BASIKAL

Mana ada perniagaan yang tiada cabaran. Nak mulakan perniagaan itu sendiri adalah cabaran, inikan pula nak kembangkan lebih maju.

Norlinda tak terkecuali, bila dah mula serius, beliau nak lebih ramai orang tahu tentang perniagaannya.

"Saya pernah dikejar anjing sewaktu menunggang basikal bagi mengedarkan *flyers*. Mak saya kata kalau kena kejar anjing jangan lari, tapi saya lari juga sebab anjing tu lebih besar. Saya ketakutan lalu tersungkur di tengah jalan raya.

"Masa tu memang *struggle*. Nak edarkan *flyers* dekat rumah ke rumah naik basikal, panas-panas, lepas tu kena kejar anjing. Dulu nak buat *bunting* tak mudah macam sekarang. Jadi, saya beli kain dan tulis nombor telefon saya. Saya sendiri letakkan *bunting* di tepi jalan," kongsinya.

Bukan sahaja edarkan *flyers*, Norlinda sendiri yang menguruskan pendaftaran pelajar dan beliau juga yang mengajar. Dari situ beliau belajar tentang



kepayaan untuk mengembangkan bisnes. Tambahan pula, beliau tiada mentor lagi pada saat itu seperti sekarang.

#### JUMLAH PELAJAR TAK TETAP

Momentum Norlinda sangat bagus apabila berjaya buka sehingga lima cawangan termasuk sebuah tadika berkonsepkan islamik. Namun, malang sekali perjalannya hanya sampai di situ sahaja. Satu persatu cawangan terpaksa ditutup.

*"I still remember worst the end 2011 saya tutup tiga cawangan. Ketika itulah kawan saya introduce kepada Dr. Azizan. Saya pergi ke program Advance Marketing Power dan beliau ajar 400 cara bagaimana hendak kembangkan bisnes saya.*

*"Masa tu saya duduk belakang sekali. Walaupun*

Dr. Azizan besar tapi saya nampak kecil je di depan. Tapi saya dengar semua, because the sound system is very good," ceritanya.

Rupa-rupanya bukan caranya yang salah, tapi kaedahnya yang tidak mencukupi. Banner dan bunting yang diletakkan terlalu sedikit dan Norlinda turut dinasihatkan untuk kuasai wilayah.

*"Saya letak 60 bunting sehingga sekarang. Saya pegang apa yang Dr. Azizan ajar pada waktu itu," sambungnya lagi.*

#### BUKAN SEKADAR MARKETING

Walau bagaimanapun, perniagaan bukan mengenai pemasaran semata-mata. Bila dah ada pasukan, kemahiran kepimpinan juga kena hebat.

"Bila dah ada *almost six branches*, saya dah tak boleh nak *control team* yang mula keluar masuk. Staf juga ada yang tak *align*," luah Norlinda.

Norlinda bukan sahaja ada masalah staf berhenti, malah ada yang hanya ikut kepala masing-masing. Jalan pintas, beliau berhentikan mereka dan ambil pekerja yang baru. Namun, sampai bila hendak begitu?

Akhirnya beliau akur bahawa sebagai seorang *leader*, sangat penting untuk beliau lengkapkan diri dengan ilmu terlebih dahulu.

## BERHENTI BELAJAR

"Saya ikut program Platinum dan *complete* program Train The Trainer (TTT), Intensif Magnet Kekayaan dan Kejayaan (IMKK) dan Master Your Business (MYB) sehingga tamat pengajian. Siap pakai jubah dan Dr. Azizan sebagai Canselor yang berikan sijil. Saya jadi lebih baik dari segi dalaman dan kepimpinan," jelasnya.

Bright Hill semakin berkembang kepada lapan buah cawangan. Pada saat itu, Norlinda buat keputusan untuk tidak teruskan pembelajarannya bersama RichWorks. Sekali lagi beliau hadapi zaman kejatuhan apabila cawangan Bright Hill tutup satu-persatu sehingga lima cawangan.

"Masa tu saya menangis sebab *built the business is not easy*. Duit dah dikeluarkan, masa pun dah dikeluarkan, kita dah *spend* masa," luahnya.

Norlinda sedar, masalah mula timbul kerana beliau berhenti belajar. Lagi tinggi tahap perniagaan, lagi banyak sebenarnya kena belajar. Macam pergi ke sekolah, dari sekolah rendah naik ke sekolah menengah kemudian sambung lagi ke kolej atau universiti.

Ketika perniagaan jatuh, Norlinda tertanya-tanya siapa yang dapat membantunya untuk menaikkan semula perniagaan, beliau mula rasa *down*.

"Ketika tengah down itulah iklan RichWorks lalu di Facebook saya. Bila nampak tu saya macam, oh sebenarnya saya nak kena jumpa mentor. Kalau saya jumpa Dr. Azizan selalunya saya akan *recharge* diri saya. Saya akan jadi lebih bersemangat dan ada lebih banyak idea," jelasnya.

## PILIHAN SERTAI PEMENTORAN TITANIUM

Sebelum Norlinda sertai program pementoran Titanium, suami beliau terlebih dahulu menyertainya pada tahun 2015.

"Dia adalah group yang pertama *join* dalam 20 orang macam tu. You know what my mistake is, I'm the one who drive the business tapi dia masuk Titan dan saya tak. Saya susah nak ikut apa yang dia cakap, kami tak *align*," katanya.

Pada 2016, suami Norlinda keluar daripada pementoran Titanium dan perniagaan terus jatuh dan jatuh sehingga menimbulkan banyak masalah terutama sekali dari segi kewangan.

Norlinda sertai semula program RichWorks pada 2019. Di situ beliau berjumpa semula dengan orang yang banyak membantu sepanjang sertai RichWorks dulu, Puan Azwani.

"Saya tanya macam mana nak masuk SPIRE sebab saya fikir Titanium tu banyak benda nak kena buat. Saya tak ada masa. Tapi Puan Azwani kata tak boleh, *business you* dah tahap Titanium.

"Dia kata *why don't you just try the interview. So you just letak deposit and you interview, kalau tak lepas you masuk SPIRE lah. Kalau dapat, you boleh fikir*," ceritanya.

Idea itu mendapat persetujuan Norlinda yang tidak kisah jika hanya sertai SPIRE asalkan dapat berinteraksi, ilmu, tenaga serta aura Datuk Wira Dr. Azizan Osman. Peluang terbentang luas apabila Norlinda diterima masuk ke pementoran Titanium.



"Saya discussed dengan my husband. Dia kata satu je, saya cuma dengar cakap Dr. Azizan. Bila belajar, nanti Dr. Azizan akan advise. Dia suruh cuba satu tahun, kalau tak okay, berhentilah," ceritanya lagi.

### BUAT PILIHAN TERBAIK

Dalam program pementoran Titanium, Norlinda disuruh fokus kepada satu benda sahaja.

"Masa tu saya ada Genius Qayyum dan Bright Hill, Dr. Azizan kata saya sebenarnya tak boleh fokus. Saya pilih Bright Hill dan beri my sister jaga Genius Qayyum," katanya.

Tanpa berfikir panjang, Norlinda percaya dan buat segala nasihat yang diberikan oleh Dr. Azizan. Hasil fokus kepada satu perniagaan iaitu Bright Hill, sales naik dan bisnes mula berkembang semula.

Jika orang lain sewaktu pandemik sales menurun, tapi Norlinda mampu beli sebuah rumah dan dua buah kedai pada waktu itu.

"Saya rasa Allah datangkan orang yang nak bantu kita tu at the right time. Bayangkan kalau saya tak bersama Dr. Azizan, mungkin saya dah tutup semua bisnes. Kadang-kadang rasa macam mimpi," katanya.

### DARI KELAS FIZIKAL KEPADA KELAS ONLINE

Belajar dengan mentor yang betul membuatkan Norlinda sentiasa berada di hadapan berbanding dengan pesaing lain.

"Sebelum pandemik, Dr. Azizan dah kenalkan dengan Zoom Meeting, jadi kita dah ada knowledge. Kita hanya perlu apply je dalam classroom," ceritanya.

Sudah tentu ada banyak situasi ibu bapa tak nak menghantar anak belajar ketika pandemik.

Norlinda tak berputus asa untuk meyakinkan mereka tentang kelebihan menggunakan teknik pembelajaran secara online.

"Daripada ketinggalan semua, baik ada Zoom. At least mereka belajar walaupun tak boleh fokus lama," tambahnya lagi.

Benda yang baru, pasti ramai yang takut. Namun dengan results yang ditunjukkan ramai yang mula yakin.

Walau bukan 100%, namun 70% daripada kalangan ibu bapa membayar yuran untuk pembelajaran anak-anak. Apa yang lebih menggembirakan, Norlinda mampu membayar gaji staf dan tak perlu memberhentikan mereka.

"Mereka bukan datang daripada keluarga senang. Mereka dapat gaji tapi mereka kena belajar tentang bagaimana nak mengajar melalui Zoom. Itu cabarannya," luah Norlinda.



Selain ilmu *marketing* dan *leadership*, Norlinda belajar banyak perkara lain di RichWorks seperti macam mana nak urus wang, akaun, cukai dan sebagainya. Dulu tak rasa bayar cukai itu penting, namun kini beliau tidak cemas untuk membayarnya.

"Tu yang boleh beli kedai dengan duit company. Kalau tak belajar dengan Tuan Nas, tak tahulah bagaimana," katanya.

## EGO DAN PENTINGKAN DIRI

Norlinda mengakui dulu beliau seorang yang ego dan tak nak mendengar pendapat orang lain. Bila ambil pekerja, ambil sekadar ambil sehingga satu tahap mereka berhenti apabila rasa tak dihargai.

"Saya pun tak tahu macam mana nak motivate mereka. Kalau *performance* bagus, saya tak pernah nak bagi bonus atau bawa pergi *team building*. So, that is the problem," luahnya.

Norlinda akui lagi dia tak tahu bagaimana nak berkomunikasi dengan baik bersama pelanggan dan tak tahu bagaimana nak dapatkan feedback dari mereka.

"Kita tak rasa feedback tu *gold*, Dr. Azizan yang ajar feedback tu *gold*. Saya buat je yang saya rasa betul nak buat," luahnya lagi.

Pelanggan hantar anak atas feedback daripada orang yang mereka kenal. Bila mereka tak seronok di situ, mereka ambil keputusan untuk berhenti beramai-ramai lalu menyebabkan sales menurun.

Pada Norlinda, bila tak ada kewangan yang baik, susah untuk mendapatkan ketenangan dalam kehidupan.

"Me and my husband selalu bergaduh kerana tak cukup duit. Lepas tu kita blame each other. Anak-anak pula tak dapat a good life, tak boleh hantar ke kelas tambahan," katanya.

## PENCAPAIAN

Awan mendung tak akan selamanya mendung. Pelangi akan muncul selepas hujan dan langit mulai cerah. Begitu juga Norlinda yang kini boleh menarik nafas lega.

"Dulu saya ada tiga orang staf termasuk saya. Sayalah driver, sayalah tukang masak and everything. Sekarang kita ada almost 30 orang staf," katanya.

Selain itu, Norlinda juga dapat membawa keluarganya pergi menunaikan ibadah umrah serta membina masjid di kawasan tertentu. Alhamdulillah.



# 3

## NASIHAT



### **PERTAMA, KENA ADA ILMU**

"Bak kata Dr. Azizan, nak berjaya dunia kena ada ilmu, nak berjaya akhirat juga kena ada ilmu. Walaupun ada yang kata sekarang bisnes dah okay, tapi you tak cukup ilmu untuk grow. Untuk grow you kena ada ilmu yang baru."

"Dalam dunia sekarang ada bermacam-macam teknologi, you kena *keep on* tahu *update the latest information*. Jadi you kena berguru dengan orang yang juga akan *keep on* belajar dan dapat *the latest information* untuk diajar kita. Jadi kita tak akan ketinggalan. So, ilmu adalah segala-galanya," kata Norlinda.

### **KEDUA, MESTI ADA GURU ATAU MENTHOR**

"Paling penting adalah, mesti cari mentor yang proven success dan ramai anak murid dia yang dah berjaya."

"Of course kalau kita nak hantar anak tuisyen, kita nak guru yang melahirkan budak yang *straight A's* kan? Sama juga dengan kita ni yang nak bisnes, cari guru yang dah berjaya dan nampak *results* dia," kongsinya.

### **KETIGA, KENA BALANCE DUNIA DAN AKHIRAT**

"Dr. Azizan ajar kita macam mana nak berjaya dunia tapi sebenarnya dia kata paling penting adalah kena *make sure that* kita punya *connection* dengan Allah tu kukuh dan kuat. *Improve* hubungan kita dengan Allah."

"Orang ingat Dr. Azizan ni ajar *marketing* je kan? Sebenarnya banyak benda lain yang dia ajar menjadi satu fakta untuk kita pun berjaya. *Become a good muslim*," kata Norlinda mengakhiri perbualan.

# TERTEKAN DENGAN CABARAN BISNES? 6 CARA UNTUK REDAKAN STRES YANG DIRASAI

**Menjalankan perniagaan yang penuh dengan pelbagai program, sesi menyumbangkan idea dan mesyuarat yang tak pernah habis memang sangat memenatkan.**

**Namun jika hanya bersantai-santai di tempat kerja, tak mungkin dapat menyelesaikan cabaran bisnes yang sentiasa datang dan pergi.**

Kesibukan ini boleh menjelaskan komunikasi anda bersama staf dan secara tak langsung menyebabkan mereka tak bersemangat untuk bekerja. Tambah lagi satu cabaran demi cabaran sehingga boleh membuatkan anda tertekan.

Tekanan yang berpanjangan bakal menyebabkan anda mudah marah, tak berpuas hati dan cepat berputus asa. Legakan tekanan anda dengan mengurangkan rasa bebanan kerja yang melampau.

## IDEA MENGURANGKAN TEKANAN

### 1 Makan makanan sihat dan bersenam

Ramai usahawan yang terlalu sibuk sehingga mengabaikan waktu makan dan senaman. Bila rasa lapar, isi perut dengan makanan segera yang mudah didapati dan boleh dimakan di mana-mana sahaja.

Sedangkan makanan yang sihat, air minuman dan senaman adalah sangat penting untuk berjaya. Jika berjaya tapi tak sihat pun tak guna jugakan?

Andaikan anda ada kereta mewah, bila tiba masa untuk servis ke mana anda akan bawa? Ke bengkel tepi jalan atau ke pusat servis jenama kereta mewah anda? Sudah tentu anda pergi ke pusat servis untuk dapatkan servis yang terbaik.

Begitu juga dengan badan yang memerlukan penjagaan yang terbaik untuk kekal sihat. Badan yang sihat akan mengurangkan tekanan anda.

Selalu beri perhatian pada badan anda dan elakkan beri ganjaran pada diri sendiri dengan makanan yang tidak sihat. Luangkan juga sedikit masa anda untuk melakukan senaman ringan.

### 2 Amalkan penjagaan diri

Luangkan masa untuk diri sendiri dan dapatkan tidur yang cukup untuk memastikan badan dan minda berada pada tahap yang terbaik. Dah bekerja keras sepanjang hari, berilah ganjaran untuk diri berehat.

Sesekali pergilah keluar menonton wayang, dapatkan layanan di spa, serta aktiviti sukan atau apa sahaja aktiviti yang anda sukai.

## 3 Selalu bersyukur

Sangat mudah untuk rasa kecewa dan marah pada orang lain apabila sesuatu yang berlaku tidak seperti yang kita mahukan. Tapi ingatlah, tiada siapa di dunia ini yang sempurna. Terima perkara yang berlaku.

Jika apa yang berlaku tak seperti yang kita inginkan, perbaiki sehingga puas hati. Jika sudah seperti yang kita mahu, tambah baik lagi agar menjadi yang terbaik. Bersyukur untuk setiap tindak balas, usaha yang dilakukan serta peluang yang diberikan. Sikap yang positif dapat mengurangkan tekanan anda.

## 4 Mempunyai matlamat yang jelas

Ada matlamat yang jelas adalah petunjuk bahawa anda ada hala tuju yang jelas tentang arah tuju hidup anda. Pastikan matlamat anda spesifik, boleh diukur, logik untuk dicapai serta masih kekal relevan. Lebih spesifik matlamat lebih besar kemungkinan anda untuk mencapainya.

Apabila anda mempunyai cita-cita yang tinggi, sukar untuk mengatakan tidak kepada peluang yang datang. Tetapi untuk elak tekanan dan berjaya capai matlamat, anda perlu tahu bila untuk berkata tidak. Bukan semua peluang adalah sesuatu yang baik untuk kita. Sebab itu dalam hidup ini kita diberikan pilihan.

## 5 Fokus pada perkara positif dalam setiap situasi

Ramai usahawan menerima cabaran sebagai cabaran sedangkan jika dilihat pada sudut yang positif, cabaran itu adalah peluang untuk cipta kejayaan demi kejayaan.

Pada mulanya ia bukanlah sesuatu yang mudah tetapi perubahan boleh berlaku dari semasa ke semasa.

Di sinilah pentingnya ilmu. Orang yang berilmu selalu nampak peluang yang terhidang di depan mata. Jadikan ilmu sebagai peluang untuk anda maju jauh ke hadapan dan mengembangkan minda yang positif.

## 6 Sentiasa ingat anda tidak keseorangan

Sebuah bisnes tidak boleh berkembang maju tanpa pasukan yang hebat di belakangnya. Jangan takut untuk berkongsi tugas dengan orang lain kerana tidak salah untuk mendapatkan bantuan orang yang lebih pakar dalam menguruskan suatu tugas. Ini akan memberikan anda banyak masa untuk melakukan perkara lain yang anda gemari selain dapat berkongsi rezeki bersama pasukan anda.

### TEKANAN BOLEH MENJADI PENGHALANG KEJAYAAN

Sebenarnya tekanan juga boleh menjadi sebab usahawan nak buat yang terbaik untuk keluar dari tekanan itu sendiri. Namun jika tekanan yang berlebihan dan berpanjangan, ia akan menjadi penghalang kepada kejayaan usahawan.

Sebab tu penting untuk ketahui cara untuk melegakan tekanan anda. Jadi, idea yang mana satu anda nak mulakan dahulu untuk melegakan tekanan anda?



# EKSKLUSIF!

## GERAN BIMBINGAN PERNIAGAAN BERNILAI RM3 JUTA

DALAM

### Klinik Usahawan SIRI **BINA BISNES** **BERJAYA**

Sesi Transformasi Perniagaan  
untuk Usahawan SME



DATUK WIRA  
DR AZIZAN OSMAN  
MenThor Usahawan Jutawan



Buku Untuk Usahawan  
Bakal Jutawan!

+  
Sesi Penilaian Perniagaan  
Anda berharga **RM497**  
[www.binabisnesberjaya.com](http://www.binabisnesberjaya.com)


**100% PERCUMA**  
DITAJA OLEH RICHWORKS

Mohon di: [richworks.com/satujutapertama](http://richworks.com/satujutapertama)

# 10X BINA BISNES BERJAYA 2023

2-3 SEPTEMBER 2023

DATUK WIR A  
**DR. AZIZAN OSMAN**



DAFTAR SEKARANG  
[binabisnesberjaya.com](http://binabisnesberjaya.com)  
Rebut Tempat Duduk Anda Sekarang!

# E-MAGAZINE UNTUK BANGSA USAHAWAN

[richworks.com/thetitan](http://richworks.com/thetitan)

**RICHWORKS®**  
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

THE **TITAN**

**PENAFIAN :** NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAHINI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.